

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Khairy yakin RUU kawalan tembakau dilulus

Putrajaya: Menteri Kesehatan, Khairy Jamaluddin, yakin Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang membawa agenda Generasi Penamat (GEG) kepada tabiat merokok bakal diluluskan dalam Dewan Rakyat pada sidang akan datang.

RUU yang sebelum ini dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) Parlimen, menurut Khairy bakal mempunyai pindaan selepas ia mengambil kira cadangan dikemukakan ahli jawatankuasa.

Beliau berkata, JPK sudah tiga kali bermesyuarat dan satu lagi mesyuarat akan diadakan minggu depan.

"Dasarnya majoriti daripada Ahli Parlimen bersetuju dengan RUU itu. Malah, dalam surat yang ditulis oleh Ketua Pembangkang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga sebut bahawa secara keseluruhannya Ahli Parlimen pembangkang daripada Pakatan Harapan (PH) menyokong RUU ini.

"Cuma mereka minta supaya dibuat beberapa pindaan supaya diperjelas kuasa penguat kuasa, soal denda dan sebagainya. Saya percaya kebanyakan daripada isu ini sudah diselesaikan dalam JPK," katanya pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri Kesihatan, kelmarin.

Bentang RUU kepada JPK

Khairy berkata, beliau akan membawa RUU yang sudah diperkemas itu kepada mesyuarat JPK minggu depan untuk dipersetujui.

Beliau berkata, JPK sendiri dianggotai Ahli Parlimen daripada parti politik utama dalam Dewan Rakyat termasuk Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) juga Parti Penguat Tanah Air (PEJUANG).

RUU itu yang antara lain bakal melarang penjualan serta penggunaan sebarang bentuk bahan merokok termasuk rokok elektronik kepada individu yang dilahirkan pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, disifatkan menghadkan kebebasan memilih oleh beberapa Ahli Parlimen selepas ia dibentangkan pada Julai lalu.

Pada 2 Ogos, Dewan Rakyat bersetuju RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk ke JPK Parlimen untuk diteliti serta membuat syor penambahbaikan, ketika usul itu pada peringkat bacaan kedua.

Ditanya mengenai nasib RUU berkenaan ketika banyak cakap-cakap mengenai tarikh Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) termasuk sidang Parlimen yang mungkin terpaksa disingkatkan, Khairy berkata, Dewan Rakyat terikat dengan usul itu.

'Banyak belum selesai'

Khairy mahu rancang pelbagai inisiatif perkasaa fasiliti kesihatan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 fidahruzuki@bh.com.my

Putrajaya: Penambahbaikan fasiliti kesihatan bawah Kementerian Kesehatan (KKM) terutama di kawasan luar bandar adalah antara perancangan yang menjadi keutamaan Khairy Jamaluddin pada tahun keduanya sebagai Menteri Kesehatan.

Beliau mengakui, jika terus diberikan kesempatan untuk menerajui Kementerian itu selepas ini, ada banyak perkara dan isu yang mahu diselesaikan termasuk membabitkan pegawai dan kakitangan kesihatan bersekutu serta jururawat.

Katanya, ada banyak perkara yang sudah dimulakan dan mungkin memerlukan sedikit masa lagi untuk diselesaikan. "Mungkin masa yang tidak ada pada saya. Tetapi sekiranya saya diberikan kemudahan waktu tambahan, ada perkara membabitkan prasarana kesihatan yang memerlukan penambahbaikan segera.

"Saya sejak beberapa minggu lalu pergi ke lapangan membuat tinjauan ke fasiliti kesihatan terutama di kawasan luar bandar seperti di Sabah, Sarawak, Kedah dan di negeri lain akan datang.

"Saya lihat status prasarana, bukanlah semua tetapi banyak dalam keadaan daif," katanya



Khairy bersalaman dengan Dr Noor Hisham pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri Kesehatan, di Putrajaya.

(Foto BERNAMA)

pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri Kesehatan, kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, jika diberikan waktu tambahan ia sudah semestinya antara keutamaan untuk diselesaikan supaya pengalaman yang diperolehi sewaktu pandemik tidak dibazirkan.

Beliau berkata, sewaktu pandemik, rakyat mulai menyedari bahawa sektor kesihatan bukan hanya mendapatkan rawatan selepas sakit, sebaliknya ada kepentingan untuk penjagaan kesihatan termasuk strategi pencegahan, gaya hidup yang sihat, penjagaan kesihatan utama serta kemudahan klinik kesihatan yang lebih moden dan mudah dicapai.

Perkara kedua yang mahu diperhatikan adalah sumber

manusia KKM.

Khairy berkata, biarpun KKM tidak dapat menawarkan jawatan tetap kepada semua doktor kontrak sedia ada, namun pihaknya mampu menambah jawatan tetap yang terbesar sejak sistem kontrak diperkenalkan pada 2017.

Tingkat kesediaan negara

Sementara itu, Khairy berkata, pengalaman negara dan KKM berdepan pandemik COVID-19 sejak 2020 sehingga kini perlu di-institusikan sebagai ketersediaan menghadapi pandemik lain di masa depan.

Dalam pada itu, katanya, sistem Penilaian 360 bakal diperluaskan tahun ini membabitkan Pengarah Hospital KKM di seluruh negara.

Katanya, bagaimanapun ia takutuk kepada persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berkata, ketika ini, Sis-

tem Penilaian 360 hanya diguna pakai terhadap pengurusan tertinggi di kementeriannya.

Katanya, ketika ini pengarah hospital hanya dinilai oleh pegawai atasannya, namun selepas sistem penilaian itu diperluaskan kelak, mereka turut dinilai oleh rakan sejawat (peers) dan pegawai bawah kelolaan mereka.

Pengenalan Sistem Penilaian 360 itu adalah antara penambahbaikan yang sudah, sedang dan bakal dilaksanakan KKM.

Beliau berkata, KKM juga sudah menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan. Pada masa sama, Khairy berkata, sehingga bulan ini, sebanyak 11,462 pelantikan tetap sudah dilaksanakan membabitkan 4,333 Pegawai Perubatan; 1,457 Pegawai Pergigian; 1,688 Pegawai Farmasi; 3,087 Jururawat; Jurupuluh Fisioterapi (85); Jurupuluh Carakerja (90); Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (135); Juru-teknologi Pergigian (86) dan Pembantu Pembedahan Pergigian (50).

Beliau berkata, sekurangnya 8,686 perjawatan tetap tambahan membabitkan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi akan diwujudkan dalam tempoh bermula 2022 hingga 2025, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM2.26 bilion.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 800 jawatan tetap Pakar Perubatan dan 70 Pakar Pergigian diwujudkan setiap tahun di KKM mulai tahun depan hingga 2025 bagi menampung keluaran pakar perubatan tetap di fasiliti kesihatan bawah kementerian itu.

Lebih ramai jururawat ke jawatan tetap

Johor Bahru: Seramai 1,136 Jururawat Gred U29 keluaran Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 2,804 jururawat swasta, yang dilantik secara kontrak serta masih berkhidmat bersama KKM bagi menyokong perkhidmatan kesihatan khususnya dalam tempoh pandemik COVID-19, akan diserap ke jawatan tetap.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata pelantikan tetap itu akan dibuat secara berfasa dalam tempoh suku keempat tahun ini dan suku pertama tahun depan.

Beliau berkata, pelantikan tetap juga membabitkan Jururawat Masyarakat Gred U19 sebagai Jururawat Gred U29. "Seramai 1,406 Jururawat Masyarakat Gred U19 yang telah lulus kursus Diploma Kejururawatan Peningkatan Secara Lanjutan (PSL), namun masih belum ditawarkan pelantikan tetap se-

cara PSL ke jawatan Jururawat Gred U29.

"KKM akan memfleksikan jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 kepada jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19/Jururawat Gred U29.

"Pindaan ini dibuat bagi membolehkan Jururawat Masyarakat Gred U19 yang lulus kursus Diploma Kejururawatan PSL, dapat ditawarkan pelantikan tetap dan kekal mengisi jawatan sedia ada sebagai Jururawat Gred U29.

"Dalam hal ini, KKM bercadang menggunakan 2,775 jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 yang kosong untuk diisi graduan jururawat Institut Latihan KKM mahupun swasta," katanya selepas Majlis Perasmian 25th Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference 2022 di Hotel 'Thistle, di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Kejururawatan Malaysia, S Devi.

Khairy berkata, KKM juga me-

nawarkan kenaikan pangkat ke Gred U42 kepada 110 jururawat yang memiliki ijazah sarjana muda kejururawatan yang diiktiraf kerajaan, membabitkan 50 Jururawat Gred U32 dan 60 Jururawat Gred U36. Tawaran ini akan dibuat pada 17 Oktober 2022.

Selesaikan isu jururawat

Katanya, sebanyak 49 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 lagi akan diisi menerusi pengambil-tan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2023.

"KKM mengunjurkan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 diwujudkan dalam tempoh 2023 hingga 2025 iaitu sebanyak 63 jawatan pada tahun 2023, 125 jawatan pada tahun 2024 dan 38 jawatan lagi pada tahun 2025.

"Jumlah ini tidak termasuk

unjukan pewujudan sebanyak 7,434 jawatan Jururawat Gred U29, Gred U32 dan Gred U36 dalam tempoh yang sama.

"Berdasarkan unjukan pewujudan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 ini, KKM akan menguruskan pelantikan tetap dan menawarkan kenaikan pangkat kepada pegawai yang layak mengikut tahun berkenaan," katanya.

Kadar nisbah jururawat dengan pesakit di Malaysia pada tahun 2020 ialah 1:302, jumlah itu semakin baik pada tahun 2021 dengan kadar nisbah 1:297, namun masih belum memenuhi sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 1:200.

Khairy berkata, selepas isu doktor kontrak, sebahagian isu jururawat kini telah diselesaikan dan pada masa akan datang isu Pembantu Perubatan juga dalam perancangan untuk penyelesaian.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Kementerian mohon RM3.4 bilion jayakan enam inisiatif kesihatan

Peruntukan demi memberi rawatan terbaik kepada rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengemukakan Permohonan Insentif Baharu 2023 berjumlah RM3.4 bilion bagi pelaksanaan enam cadangan tahun depan.

MENJELANG BAJET 2023

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata permohonan itu dikemuka dan dibentangkan kepada Kementerian Kewangan dalam sesi libat urus bersama Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abd Aziz, pada 30 Ogos lalu.

Beliau berkata, enam cadangan itu adalah untuk Pengukuhan Program *Healthcare & Wellness* dengan kos RM738 juta; penam-

bahbaikan dan baik pulih fasiliti kesihatan KKM yang menelan belanja RM791.5 juta serta meningkatkan keberkesanan rawatan kesihatan yang memerlukan kos RM850 juta.

"Inisiatif keempat membabitkan penggantian aset perubatan yang kritikal dan usang dengan kos RM400 juta; pendigitalan perkhidmatan kesihatan (RM460 juta) dan insentif penghargaan anggota kesihatan RM183 juta," katanya pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri Kesihatan, kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

PM sokong cadangan tingkat peruntukan

Khairy berkata, KKM juga amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Tengku Zafrul serta rakyat Malaysia yang pada amnya menyokong cadangan meningkatkan peruntukan kepada kementerian berkenaan kepada 5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding peruntukan sedia ada pada kadar 2.10 peratus daripada KDNK.

Beliau berkata, permohonan itu adalah rasional dalam menawarkan perkhidmatan yang memelihara rakyat Malaysia agar sentiasa sihat dan merawat mereka

yang sakit pada tahap terbaik.

"KKM juga sedar untuk menunaikan permohonan ini bukan bermakna kita hendak ia terus dilaksanakan tahun depan.

"Mungkin mengambil masa dalam tempoh lima tahun dan kita pun faham kedudukan kewangan negara," katanya.

Pun begitu, Khairy berkata, beliau berasakan ia boleh dilaksanakan termasuk melalui peningkatan kutipan hasil atau merasionalkan semula peruntukan terutama subsidi petroleum kepada golongan sasar.

"Tentu terdapat lebih untuk agihkan semula kepada Kesihatan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Hanya mahkamah boleh akses laporan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya boleh mengemukakan laporan perubatan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kepada mahkamah.

Ini selari dengan tanggungjawab KKM untuk mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebarang maklumat terperinci mengenai kesihatan seseorang pesakit hanya boleh dikemukakan kepada mahkamah sekiranya diarahkan berbuat

demikian.

"Penyiasatan klinikal, rawatan dan pemantauan sudah dijalankan oleh pihak KKM dan laporan perubatan akan dikemukakan kepada mahkamah (atas perintah mahkamah). Namun pada masa sama, KKM mempunyai tanggungjawab mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Sejak beberapa hari lalu, tular di media sosial mengenai dakwaan yang mengatakan layanan istimewa

diberikan terhadap Najib yang dirujuk dengan nama 'Kod Merpati'.

Dakwaan berkenaan antaranya membabitkan pengubahsuaian ruang penjara untuk Najib selain laporan beliau dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur minggu lalu dan Hospital Rehabilitasi Cheras kelmarin kerana mengalami masalah kesihatan.

Di samping itu, Dr Noor Hisham berkata, Najib dihantar ke HKL untuk mendapatkan rawatan perubatan susulan perintah Mahkamah Tinggi pada 12 Sep-

tember lalu.

Menurutnya, ia berikutan keadaan kesihatan bekas Perdana Menteri berkenaan yang tidak memuaskan dengan menegaskan tindakan itu selaras dengan Seksyen 37 Akta Penjara.

Terdahulu, Najib sedang menjalani hukuman penjara selama 12 tahun selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman terhadapnya dalam kes penyelewengan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd.

“
Penyiasatan klinikal, rawatan dan pemantauan dijalankan KKM
Dr Noor Hisham



AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : LOKAL

INSIDEN KEDUA DALAM 10 HARI

Klinik berapi lagi!

Oleh Amirul Aiman
 Hamsuddin
 am@hmetro.com.my

Sabak Bernam

Terbakar akibat litar pintas atau perbuatan khianat? Persoalan itu timbul susulan kejadian kebakaran membabitkan dua klinik di daerah ini dalam tempoh 10 hari.

Terbaru semalam, Klinik Desa Kampung Batu 4 di Jalan Sekolah, Sepintas di sini, musnah dalam kebakaran.

Difahamkan, kejadian itu adalah kejadian kedua berlaku di daerah ini selepas kebakaran Klinik Kesihatan Parit Baru di sini, pada 12 September lalu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kebakaran itu jam 5.08 petang.

Beliau berkata, sepasukan 13 pegawai dan anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sabak Bernam dan Sungai Besar bergegas ke lokasi.



KEADAAN Klinik Kesihatan Parit Baru yang terbakar pada 12 September lalu.

“Sebaik tiba, kami mendapati api marak dan klinik itu sudah terbakar 60 peratus berikutan struktur bangunan diperbuat daripada kayu.”

“Api berjaya dikawal dan dipadamkan sepenuhnya jam 5.46 petang,” kata-

nya.

Norazam berkata, ketika kejadian seorang wanita yang juga kakitangan klinik desa berusia lingkungan 30-an dipercayai sedang bertugas di bangunan berke-

naan.

“Bagaimanapun, mangsa berjaya menyelamatkan diri

setelah menyedari kebakaran itu serta tidak mengalami kecederaan,” katanya.

Beliau berkata, punca kebakaran dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Sebelum ini Klinik Kesihatan Parit Baru di Jalan Masjid Kampung Parit Baru, di sini, musnah dalam kebakaran, jam 3.49 pagi.

Kebakaran itu tidak membabitkan mangsa dengan anggaran kemusnahan kira-kira 70 peratus.

“
 Api berjaya
 dikawal dan
 dipadamkan
 sepenuhnya jam
 5.46 petang
 Norazam



API marak memusnahkan klinik berikutan struktur bangunan diperbuat daripada kayu.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

Tidak capai piawaian standard kebersihan

4 kedai makan kotor di Kuala Krai ditutup

Oleh ROSMIZAN RESDI

KUALA KRAI – Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengarahkan empat buah kedai makan di sini ditutup selama 14 hari bermula kelmarin selepas didapati tidak mencapai standard kebersihan yang ditetapkan.

Pengarah JKNK, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, kesemua premis tersebut didapati tidak menepati kriteria semasa pihaknya menjalankan Operasi Bersepadu Premis Bersih Siri 09/2022 yang dikendalikan Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan JKNK kelmarin.

Menurutnya, sebanyak 64 premis makanan di sekitar Bandar Kuala Krai, kawasan peranginan Dabong, Jelawang, Kampung Laloh dan Jalan Kuala Krai-Gua Musang telah diperiksa dalam operasi itu.

“Sebanyak empat premis diarahkan tutup maksimum selama 14 hari di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 kerana tidak mencapai standard kebersihan yang ditetapkan.

“Selain itu, sebanyak 72 notis kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis dan pengendali makanan atas pelbagai kesalahan yang melanggar Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



SEORANG anggota penguat kuasa JKNK menampal notis penutupan sebuah kedai makan yang tidak mencapai standard kebersihan ditetapkan semasa operasi di Kuala Krai kelmarin.

Menurut Zaini, antara kesalahan yang tertinggi dicatatkan dalam operasi itu adalah mengikut Peraturan 32(1)(b) iaitu kegagalan pengendali makanan memakai pakaian yang lengkap semasa mengendali makanan dengan sebanyak 57 notis kompaun telah dikeluarkan.

Katanya, pemilik premis makanan yang didapati tidak mematuhi elemen-elemen penting kebersihan akan diberi bimbi-

ngan bagi meningkatkan tahap kebersihan premis mereka.

“Pengusaha kedai makan dinasihatkan agar mematuhi segala aspek berkaitan kebersihan agar dapat menjamin keselamatan makanan.

“JKNK juga sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna dan orang ramai dinasihatkan memilih premis makanan yang bersih,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : LOKAL



KAKITANGAN Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan melakukan pemeriksaan di premis makanan dalam Operasi Bersepadu Premis Bersih di daerah Kuala Krai.

TIDAK CAPAI STANDARD KEBERSIHAN

4 kedai diarah tutup

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Orang ramai di negeri ini diminta memilih kedai makan yang bersih demi menjamin keselamatan.

Ia berikutan empat kedai makan di Kuala Krai, dekat sini, diarahkan tutup 14 hari berikutan keadaan premis yang tidak mencapai standard kebersihan yang ditetapkan mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, ia hasil Operasi Bersepadu Premis Bersih dijalankan pihaknya melalui Ba-

hagian Keselamatan dan Kualiti Makanan kelmarin, membabitkan 66 kakitangan.

Katanya, 64 premis diperiksa dan keutamaan membabitkan premis makanan di sekitar bandar Kuala Krai, kawasan peranginan Dabong, Jelawang, Kampung Laloh dan Jalan Kuala Krai-Gua Musang kerana ia adalah lokasi tumpuan ramai.

"Susulan itu, 72 notis kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis dan pengendali makanan di atas pelbagai kesalahan yang melanggar Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"Pada

masa sama, 57 notis kompaun dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Peraturan 32(1)(b) iaitu kegagalan pengendali makanan memakai pakaian pengendali makanan yang lengkap semasa mengendali makanan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tambah Dr Zaini, pihaknya juga mengeluarkan pelbagai notis di bawah peraturan-peraturan lain.

Katanya, pemilik premis makanan yang didapati tidak mematuhi elemen penting kebersihan akan diberi bimbingan untuk mengambil tindakan pembetulan bagi meningkatkan tahap

kebersihan premis mereka.

"Saya juga menasihati orang ramai supaya memilih premis makanan yang bersih.

"JKNK sentiasa peka dan mengambil berat isu berkaitan keselamatan dan kualiti makanan di negeri ini serta komited dalam memastikan tahap kebersihan premis makanan sentiasa berada di tahap memuaskan," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan isu keselamatan makanan, orang ramai boleh menghubungi pejabat kesihatan daerah, pejabat kesihatan terdekat, atau melayari <http://jknkelantan.moh.gov.my/v3/> atau Facebook JKNC di <https://www.facebook.com/HealthofKelantan>.

72 notis kompaun
dikeluarkan kepada
pemilik premis dan
pengendali makanan

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Kakitangan bertaraf kontrak Gred U29 diserap bermula hujung tahun ini

1,136 jururawat ke jawatan tetap

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperakukan pelantikan tetap seramai 1,136 jururawat Gred U29 kontrak keluaran Institut Latihan KKM pada suku keempat tahun ini dan suku pertama tahun depan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, seramai 2,804 jururawat swasta yang dilantik secara kontrak dan masih berkhidmat di KKM bagi menyokong perkhidmatan kesihatan khususnya dalam tempoh pandemik Covid-19 turut akan diserap untuk lantikan tetap.

Beliau berkata, langkah itu bagi menghargai sumbangan dan komitmen tinggi yang diberikan oleh jururawat kontrak yang masih berkhidmat di KKM.

"KKM memperakukan pelantikan tetap itu akan dibuat secara berfasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada suku keempat tahun ini dan suku pertama tahun depan. Pelantikan tetap ini juga melibatkan jururawat masyarakat Gred U19 sebagai jururawat Gred U29.

"Seramai 1,406 Jururawat



KHAIRY JAMALUDDIN (tengah) bergambar bersama jururawat Malaysia dan Singapura pada Majlis Persidangan Kerjasama Jururawat Malaysia dan Singapura ke-25 di Johor Bahru semalam.

Masyarakat Gred U19 yang telah lulus kursus Diploma Kejurawatan Peningkatan Secara Lantikan (PSL), namun masih belum ditawarkan pelantikan tetap secara PSL ke jawatan Jururawat Gred U29.

"KKM akan memfleksikan jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 kepada jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19/Juru-

rawat Gred U29," katanya selepas Majlis Perasmian 25th Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference 2022 di Hotel Thistle, di sini semalam.

Beliau berkata, pindaan ini dibuat bagi membolehkan Jururawat Masyarakat Gred U19 yang lulus kursus Diploma Kejurawatan PSL dapat ditawarkan pelantikan tetap dan kekal

mengisi jawatan sedia ada sebagai Jururawat Gred U29.

Katanya, KKM bercadang untuk menggunakan 2,775 jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 yang kosong untuk diisi oleh graduan Jururawat dari Institut Latihan KKM mahupun swasta.

Katanya, KKM turut menawarkan kenaikan pangkat ke Gred U42 kepada 110 Jururawat yang

memiliki ijazah sarjana muda kejurawatan yang diiktiraf kerajaan.

Jelasnya, tawaran kenaikan pangkat itu dibuat pada 17 Oktober ini melibatkan 50 Jururawat Gred U32 dan 60 Jururawat Gred U36.

"Sebanyak 49 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 lagi akan diisi menerusi pengambilan tetap oleh SPA yang akan dilaksanakan pada suku pertama tahun depan.

"KKM mengunjurkan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 diwujudkan bermula tahun depan hingga 2025 iaitu sebanyak 63 jawatan pada 2023, 125 jawatan pada 2024 dan 38 jawatan lagi pada 2025," katanya.

Ujarnya, jumlah ini tidak termasuk unjuran pewujudan sebanyak 7,434 jawatan Jururawat Gred U29, Gred U32 dan Gred U36 dalam tempoh yang sama.

Tambahnya, berdasarkan unjuran pewujudan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 ini, KKM akan menguruskan pelantikan tetap dan menawarkan kenaikan pangkat kepada pegawai yang layak mengikut tahun berkenaan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : LOKAL

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengemukakan Permohonan Insentif Baharu 2023 membabitkan jumlah RM3.4 bilion bagi pelaksanaan enam cadangan tahun depan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, permohonan itu dikemukakan dan dibentangkan kepada Kementerian Kewangan dalam sesi libat urus bersama entri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 30 Ogos lalu.

Katanya, enam cadangan itu adalah untuk Penguatkuasaan Program *Healthcare & Wellness* dengan kos RM738 juta, penambahbaikan dan baik pulih fasiliti kesihatan KKM yang melelan belanja RM791.5 juta serta meningkatkan keberkesanan rawatan kesihatan yang memer-

KKM mohon RM3.4 bilion

Mahu laksana enam cadangan untuk penambahbaikan sistem kesihatan rakyat

lukan kos RM850 juta. "Inisiatif keempat membabitkan penggantian aset perubatan kritikal dan usang dengan kos RM400 juta, pendigitalan perkhidmatan kesihatan (RM460 juta) dan insentif penghargaan anggota kesihatan sebanyak RM183 juta," katanya pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri, Kesihatan, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, KKM amat berterima kasih kepada Per-

dana Menteri, Tengku Zafrul serta rakyat Malaysia yang pada amnya menyokong cadangan meningkatkan peruntukan kepada kementerian itu kepada lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding peruntukan sedia ada pada kadar 2.10 peratus daripada KDNK.

Katanya, permohonan itu adalah rasional dalam menawarkan perkhidmatan yang memelihara rakyat Malaysia agar sentiasa sihat dan merawat mereka yang sakit pada tahap terbaik. "Namun KKM sedar untuk

menunaikan permohonan ini bukan bermakna kita mahu ia terus dilaksanakan tahun hadapan.

"Mungkin ambil masa dalam lima tahun dan kita pun faham kedudukan kewangan negara," katanya.

Walaupun begitu Khairy berkata, beliau merasakan ia boleh dilaksanakan termasuk melalui peningkatan kutipan hasil atau merasionalkan semula peruntukan terutama subsidi petroleum kepada golongan sasar.

"Tentu terdapat lebih untuk agihkan semula kepada Kesihatan," katanya.

Sistem Penilaian 360 kesan kes buli kakitangan hospital

Putrajaya: Sistem Penilaian 360 bakal diperluaskan tahun ini membabitkan pengarah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara selain bertujuan mengesan kes buli dalam kalangan kakitangan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, bagaimanapun, ia tertakluk kepada persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam (IPA).

Katanya, ketika ini Sistem Penilaian 360 hanya digunakan terhadap pengurusan tertinggi di kementerian.

Katanya, ketika ini pengarah hospital hanya dinilai pegawai atasan, namun selepas sistem penilaian itu diperluaskan kelak, mereka turut dinilai rakan sejawat (*peers*) dan pegawai bawah kelolaan mereka.

"Kita menambah (perluaskan) penilaian secara 360 ini secara berkala pada peringkat lain. Tahun ini kita mula dengan pengarah hospital, mungkin tahun depan masukkan ketua jabatan dan pakar dan kita laksanakan sehingga semua peringkat di KKM ini ada penilaian 360.

"Jadi, yang buat penilaian terhadap pegawai, bukan hanya pegawai atasan, sebaliknya dibuat pegawai bawahannya," katanya pada sidang media khas pencapaiannya selama setahun sebagai Menteri Kesihatan, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, penilaian sedemikian membantu KKM mengesan kes buli dalam perkhidmatannya.

Pengalangan Sistem Penilaian 360 itu antara penambahbaikan yang sudah, sedang dan bakal dilaksanakan KKM.

Katanya, KKM juga menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan bertujuan menambah baik budaya kerja serta pengurusan perkhidmatan kesihatan dan menyiasat aduan buli di kementerian itu.

Katanya, pasukan itu mengesyorkan penggunaan sistem aduan MyHELP@KKM yang boleh diakses mulai 1 Oktober ini.

"Ia bagi memudahkan aduan kes buli secara langsung dan tindakan susulan segera dapat diambil menerusi tatabaca lebih telus serta menjaga kerahsiaan pelapor," katanya.

Pada masa sama, Khairy berkata, sehingga bulan ini, 11,462 pelantikan tetap dilaksanakan membabitkan 4,333 Pegawai Perubatan, 1,457 Pegawai Pergigian, 1,688 Pegawai Farmasi, 3,087 Jururawat, Jurupulih Fisioterapi (85), Jurupulih Carakerja (90), Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (195), Juruteknologi Pergigian (86) dan Pembantu Pembedahan Pergigian (50).



KKM memohon RM850 juta untuk meningkatkan keberkesanan rawatan kesihatan di hospital kerajaan.

Putrajaya: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yakin Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang membawa agenda Generasi Penamat (GEG) kepada tabiat merokok bakal diluluskan Dewan Rakyat pada sidang akan datang.

Katanya, RUU yang sebelum ini dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) Parlimen bakal mempunyai pindaan selepas ia mengambil kira cadangan dikemukakan ahli jawatankuasa.

Beliau berkata, JPK tiga kali bermesyuarat dan satu lagi mesyuarat diadakan minggu depan.

"Secara dasarnya majoriti Ahli Parlimen setuju dengan

RUU KAWALAN PRODUK TEMBAKAU DAN MEROKOK 2022

Majoriti Ahli Parlimen beri persetujuan

RUU itu. Malah, dalam surat ditulis Ketua Pembangkang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menyebut secara keseluruhannya Ahli Parlimen pembangkang daripada Pakatan Harapan (PH) menyokong RUU ini.

"Cuma mereka minta dibuat beberapa pindaan supaya diperjelaskan kuasa penguatkuasa, diperjelaskan soal denda dan sebagainya.

"Saya percaya kebanyakan daripada isu ini diselesaikan dalam JPK," katanya pada sidang media khas pencapai-

annya selama setahun sebagai Menteri, Kesihatan, semalam.

Khairy berkata, beliau membawa RUU yang diperkemas itu kepada mesyuarat JPK minggu depan untuk dipersetujui.

Katanya, JPK dianggotai Ahli Parlimen daripada parti politik utama dalam Dewan Rakyat termasuk Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) juga Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang).

RUU itu antara lain bakal melarang penjualan serta penggunaan sebarang ben-

tuk bahan merokok termasuk rokok elektronik kepada individu yang dilahirkan pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, disifatkan menghadkan kebebasan memilih oleh beberapa Ahli Parlimen selepas ia dibentangkan pada Julai lalu.

Pada 2 Ogos, Dewan Rakyat bersetuju RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk ke JPK Parlimen untuk diteliti serta membuat syor penambahbaikan, ketika usul itu pada peringkat



KHAIRY

"Tahun ini kita mula dengan pengarah hospital"
Khairy Jamaluddin

bacaan kedua.

Ditanya nasib RUU berkenaan ketika banyak cakap-cakap mengenai tarikh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) termasuk sidang Parlimen yang mungkin ditingkatkan, Khairy berkata, Dewan Rakyat terikat dengan usul itu.

Berikutan tu, katanya, ia dibawa semula pada sidang akan datang.

"Dalam usul yang saya bawa, usul dipersetujui Dewan Rakyat bahawa RUU ini dirujuk kepada JPK dan dibawa kepada mesyuarat akan datang. Jadi Dewan terikat dengan usul itu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Tekad Khairy sebelum bubar Parlimen

PUTRAJAYA - Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan beliau akan memastikan beberapa tugasannya sebagai Menteri Kesihatan diselesaikan sebelum pembubaran Parlimen.

Menurutnya, langkah tersebut bagi memastikan segala dasar dan perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjalan dengan baik.

"Tinggal beberapa bulan atau beberapa minggu lagi. Saya hendak pastikan kalau ada tugas yang tidak diselesaikan, dapat diselesaikan," katanya dalam sidang akhbar sempena pencapaian satu tahun beliau di KKM pada Rabu.

Beliau berkata, sekiranya tugas itu tidak dapat disiapkan sepenuhnya sebelum pembubaran Parlimen, ia akan ditinggalkan dalam keadaan baik agar dapat diserahkan kepada bakal menteri kesihatan baharu untuk diteruskan.

Khairy berkata, pegawai kanan KKM yang akan mengambil alih menerajui kementerian selepas Parlimen dibubarkan perlu bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan sebelum menteri baharu dilantik selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

"Dalam tempoh kita bubar Parlimen setiap kementerian akan meneruskan perkhidmatan secara *autopilot* yang diketuai oleh ketua setiausaha kementerian dan sebagainya, jadi daripada sekarang perlu bersiap sedia.

"Kalau saya pura-pura bahawa PRU15 tidak akan berlaku, maka pegawai tidak reti, jadi kita kena buat segala persiapan mulai sekarang," jelasnya.

Demi masa depan seluruh rakyat Malaysia tegas Khairy, Kertas Putih Kesihatan perlu diteruskan.

"Kalau saya sudah tidak ada contohnya bulan November atau Disember, apa yang berlaku kepada Kertas Putih?" soalnya.

Kertas Putih Kesihatan akan memberi tumpuan kepada pembaharuan yang paling asas untuk menangani cabaran sistemik dan struktur utama yang dihadapi sistem penjagaan kesihatan, bukan penyakit tertentu atau individu kumpulan demografi.

Ia dijangka dibentangkan di Parlimen pada akhir tahun ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

KKM kemuka enam inisiatif baharu

